

PROSIDING BICARA MESRA OKU: SATU ANALISIS TERHADAP ARAHAN AMALAN MAHKAMAH SYARIAH

NUR ZULFAH BINTI MD ABDUL SALAM

Fakulti Syariah dan Undang-undang

Universiti Islam Selangor (UIS)

nurzulfah@uis.edu.my

ABSTRAK

Mahkamah Syariah merupakan institusi kehakiman syarie yang menjadi tumpuan orang Islam sekiranya terlibat dengan kes-kes berkaitan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Kes-kes yang diputuskan adalah melibatkan kes-kes perceraian, penentuan status nasab dan tuntutan berkaitan pusaka. Semestinya golongan orang kurang upaya (OKU) juga terlibat dalam prosiding perbicaraan di Mahkamah Syariah. Berhubungan dengan itu, Mahkamah Syariah di Malaysia telah menggubal Arahan Amalan Mahkamah Syariah bagi membantu pelaksanaan prosiding bicara melibatkan orang kurang upaya (OKU). Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui temubual separa struktur, jurnal dan penulisan ilmiah. Hasil dapatan mendapati, telah wujud garis panduan bagi pelaksanaan perbicaraan melibatkan orang kurang upaya (OKU) di Mahkamah Syariah melalui Arahan Amalan Mahkamah Syariah. Terdapat tiga Arahan Amalan yang digubal oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) iaitu Arahan Amalan No. 6 Tahun 2023 berkenaan pemakaian garis panduan penentuan kelayakan penjaga ad litem bagi kategori orang kurang upaya (OKU), orang tak berkeupayaan (OTB) dan kanak-kanak dalam prosiding kes di Mahkamah Syariah, Arahan Amalan No.7 Tahun 2023 berkaitan keperluan khas dalam menentukan kadar nafkah anak berstatus orang kurang upaya (OKU) dan Arahan Amalan No.8 Tahun 2023 berkenaan pemakaian garis panduan penggunaan perkhidmatan jurubahasa isyarat bertauliah dalam perbicaraan kes mal dan jenayah bagi orang kurang upaya (OKU) kategori pekak dan bisu, dan penterjemah bertauliah bagi orang yang tidak boleh bertutur dalam bahasa kebangsaan. Arahan Amalan ini menjadi rujukan yang jelas dalam prosiding bicara melibatkan orang kurang upaya (OKU) demi menjaga kemasyhuran dan kebaikan orang kurang upaya (OKU) yang semestinya tidak dijadikan sebagai tersisih oleh masyarakat.

Kata Kunci: Arahan Amalan, JKSM, Kebajikan, Mahkamah Syariah, OKU

PENDAHULUAN

Parlimen Malaysia telah meluluskan Akta Orang Kurang Upaya 2008 (selepas ini dirujuk sebagai "Akta 2008") pada 24 Disember 2007. Akta ini mula berkuat kuasa pada 7 Julai 2008. Walau bagaimanapun, kesedaran mengenai keperluan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) ini telah mula mendapat perhatian sebelum kewujudan Akta 2008 lagi. Antara perkara yang sering menjadi topik perbualan adalah wujudnya keperluan untuk mengiktiraf hak-hak OKU (Zulazhar Tahir & et al, 2020). *United Nations Convention on the Rights of Persons with Disabilities* (UNCRPD) juga menyatakan bahawa istilah "Orang Kurang Upaya" merujuk kepada semua OKU, termasuk mereka yang mempunyai gangguan fizikal, mental, intelektual, atau deria dalam jangka panjang, yang mana apabila interaksi dengan pelbagai halangan sikap dan persekitaran, dapat menghalang penyertaan mereka sepenuhnya dan terkesan mereka dalam Masyarakat (Department of Economic and Social Affairs, 2024).

Maka, boleh difahami di sini bahawa OKU adalah mereka yang mempunyai sebarang ketidakupayaan dalam maksudnya yang lebih luas, dan memberi kesan negatif terhadap kebolehannya melakukan suatu pekerjaan serta menjelaskan interaksi sosialnya. Maka, satu

keperluan untuk melindungi golongan OKU ini dan undang-undang merupakan suatu mekanisme yang dilihat mampu menjamin hak-hak OKU dengan sebaik mungkin (Nurul Nadia Nozlani & et al 2021).

Islam juga menekankan bahawa setiap manusia mempunyai hak dan kewajipan masing-masing yang perlu ditunaikan, begitu juga golongan OKU. Allah SWT telah menciptakan manusia sebagai satu masyarakat yang terdiri daripada pelbagai jenis bangsa, kaum dan warna kulit. Semua ciptaan Allah SWT ini mempunyai hikmah yang tersendiri. Sunnatullah juga telah menetapkan bahawa manusia akan diuji dengan ujian hidup sama ada sihat sejahtera, sakit atau cacat. Terdapat sebahagian manusia yang diuji dengan kecacatan pada pendengarannya, penglihatannya, anggota badannya dan sebagainya (Azman Ab Rahman, 2018). Golongan OKU mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Pendekatan berdasarkan hak atau *rights-based* dan juga perlindungan wajar digunakan bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU (Nur Dayana & et al, 2022). Hak dan hukum kepada golongan OKU perlu diberi perhatian agar nasib golongan ini terbela, lebih-lebih di dalam masyarakat Islam yang menganggap mereka sebagai salah satu dari batu asas dalam pembinaan masyarakat yang baik (Azman Ab Rahman, 2018). Sebegini juga dalam prosiding bicara di Mahkamah Syariah yang melibatkan golongan OKU. Mereka juga seharusnya diberikan ruang untuk mengikuti dan melalui prosiding perbicaraan secara adil.

Kajian-kajian lepas mendapati golongan OKU juga tidak dapat lari dari krisis rumah tangga sehingga membawa kepada perceraian yang kebanyakannya berpunca dari masalah komunikasi (Azizah Mohd Rapini & et al). Institusi Kehakiman Syarie telah menyantuni golongan ini dengan mengeluarkan beberapa Arahan Amalan khusus sebagai rujukan kepada pihak Mahkamah Syariah dan Peguam Syarie dalam pengendalian kes dan prosiding bicara melibatkan OKU. Usaha dan inisiatif Mahkamah Syariah ini dilihat sangat berstrategi, memudahkan dan melancarkan prosiding bicara serta membantu hakim bicara dalam membuat keputusan kes. Kajian berkaitan OKU adalah penting bagi menjamin golongan OKU untuk mendapat hak dan keperluan yang sama rata dengan golongan normal dan bagi memastikan hak-hak golongan OKU tidak diabaikan (Nur Dayana & et al, 2022).

PERMASALAHAN KAJIAN

Institusi kehakiman Syariah di Malaysia melalui peranan Mahkamah Syariah Negeri (MSN) mempunyai fungsi yang jelas sebagaimana dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 2 Butiran 1, Senarai Negeri. Perwujudan institusi ini bertujuan untuk memastikan keadilan ditegakkan melalui institusi yang diiktiraf dan dilaksanakan oleh pihak yang kompeten (Zulzaidi & Ahmad Hidayat, 2021). Bidang kuasa institusi ini membicarakan hal ehwal berkaitan kekeluargaan Islam, pusaka Islam dan kesalahan jenayah syariah. Justeru, golongan OKU juga adalah golongan yang tidak terkecuali dari terlibat sama dalam kes-kes di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Rentetan dari wujudnya kes-kes melibatkan pihak-pihaknya adalah golongan OKU, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mengeluarkan Arahan-Arahan Amalan Mahkamah Syariah khusus melibatkan kes-kes yang terdiri dari pihak-pihaknya adalah OKU. Walau bagaimanapun adakah Arahan Amalan ini memadai dan mencukupi? Arahan Amalan ini boleh dikatakan membantu dalam melancarkan pelaksanaan prosiding bicara melibatkan OKU. Namun, perlu kepada beberapa penambahbaikan dan pindaan untuk memperkasakan prosiding bicara melibatkan OKU yang sekaligus mampu

menyantuni kehidupan OKU sebagai golongan yang adakalanya dianggap minoriti dan tercicir.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan utama kajian ini ialah untuk meneroka dan memahami permasalahan yang dihadapi oleh OKU dan Peguam Syarie dalam mengendalikan perbicaraan melibatkan OKU. Seterusnya, kajian turut juga menganalisis isi kandungan Arahan Amalan Mahkamah Syariah yang dikhkususkan kepada golongan OKU.

SKOP DAN METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif tinjauan yang melibatkan kajian kepustakaan melalui sumber-sumber atau penulisan berkaitan undang-undang dan perundangan Islam serta jurnal, teks penghakiman dan statut-statut berkaitan. Kajian ini menggunakan Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) sebagai rujukan utama kerana hampir kebanyakan dapatan kajian adalah melalui sumber ini. Data temubual diperolehi dari Peguam Syarie yang terlibat dalam prosiding perbicaraan melibatkan OKU.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Golongan OKU mempunyai hak untuk menjalani kehidupan seperti masyarakat normal dan keperluan mereka perlu diberikan perhatian supaya mereka mendapat hak sama rata. Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk Asia dan Pasifik menyatakan bahawa isu-isu berkaitan dengan golongan OKU perlu diberi perhatian dan penekanan supaya golongan OKU dapat menikmati hak-hak dan keistimewaan serta dapat menyertai masyarakat normal dengan sepenuhnya (Nur Dayana & et al, 2022). Dalam kependudukan Malaysia, orang kelainan upaya (OKU) boleh dianggap sebagai salah satu kumpulan minoriti yang paling lemah. Menurut WHO, sebanyak 7% daripada penduduk dalam negara di dunia mengalami hilang upaya dan kira-kira 2% akan memerlukan beberapa bentuk perkhidmatan pemulihan. Orang Kurang Upaya (OKU) ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai kekurangan fizikal dan mental dalam jangka masa panjang, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat (Akta Orang Kurang Upaya, 2008). Sebelum ini, orang kurang upaya (OKU) sering digambarkan dengan pandangan yang negatif. Mereka diibaratkan seperti seorang individu yang tidak sempurna kesihatannya, kerana mereka memerlukan rawatan dan pertolongan dan keadaannya dilihat sebagai kurang upaya (Hazlin Falina & et al, 2015).

Rajah 1: Statistik Pendaftaran OKU mengikut Negeri dan Kategori sehingga 31 Januari 2023

STATISTIK PENDAFTARAN OKU MENGIKUT NEGERI DAN KATEGORI SEHINGGA 31 JANUARI 2023										
Bil	Negeri	Penglihatan	Pendengaran	Pertuturan	Fizikal	Pembelajaran	Mental	Pelbagai	Jumlah	
1	JOHOR	5,884	4,646	417	25,806	26,823	6,948	3,394	73,918	
2	KEDAH	5,721	3,580	365	20,764	17,691	4,473	2,563	55,157	
3	KELANTAN	4,005	2,791	302	12,766	18,360	4,808	2,245	45,277	
4	MELAKA	2,108	2,479	132	10,896	10,295	2,080	876	28,866	
5	NEGERI SEMBILAN	2,180	1,981	106	10,885	9,724	2,320	1,373	28,569	
6	PAHANG	3,357	2,139	239	13,261	14,406	2,490	1,797	37,689	
7	PERAK	4,790	3,591	223	19,530	19,098	5,636	2,465	55,333	
8	PERLIS	823	435	89	2,689	3,090	931	314	8,371	
9	PULAU PINANG	3,528	2,749	118	14,464	11,612	2,269	1,278	36,018	
10	SABAH	3,385	2,934	368	10,498	18,718	3,157	2,469	41,529	
11	SARAWAK	4,780	2,799	258	11,758	16,592	4,904	1,683	42,774	
12	SELANGOR	7,643	6,713	425	39,711	38,221	6,874	5,322	104,909	
13	TERENGGANU	2,738	2,427	168	9,003	13,686	2,299	1,474	31,795	
14	W.P. KUALA LUMPUR	4,165	3,301	162	16,730	16,324	3,123	1,550	45,355	
15	W.P. LABUAN	133	87	25	457	1,091	100	84	1,977	
JUMLAH		55,240	42,652	3,397	219,218	235,731	52,412	28,887	637,537	

Rajah di atas menunjukkan Statistik Pendaftaran orang kurang upaya (OKU) mengikut negeri dan kategori sehingga 31 Januari 2023 yang diperolehi melalui laman sesawang Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2024). Rajah menunjukkan bahawa kategori OKU di Malaysia dapat dibahagikan kepada OKU penglihatan, OKU pendengaran, OKU pertuturan, OKU fizikal, OKU pembelajaran, OKU mental, dan OKU pelbagai. Jumlah OKU di Malaysia bagi setiap negeri-negeri juga menunjukkan angka yang besar iaitu melebihi 2000 orang. Maka wajarlah, nasib OKU dibela secara saksama dengan memberi ruang-ruang kemudahan kepada mereka.

Arahan Amalan Mahkamah Syariah

Prosiding perbicaraan melibatkan orang kurang upaya (OKU) di Mahkamah Syariah dipandu melalui Arahan Amalan Mahkamah Syariah. Terdapat tiga Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) iaitu Arahan Amalan No 6 Tahun 2023 berkenaan Pemakaian Garis Panduan Penentuan Kelayakan Penjaga Ad Litem Bagi Kategori Orang Kurang Upaya (OKU), Orang Tak Berkeupayaan (OTB) Dan Kanak-Kanak Dalam Prosiding Kes Di Mahkamah Syariah, Arahan Amalan No. 7 Tahun 2023 berkaitan Keperluan Khas Dalam Menentukan Kadar Nafkah Anak Berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) dan Arahan Amalan No.8 Tahun 2023 berkenaan Pemakaian Garis Panduan Penggunaan Perkhidmatan Jurubahasa Isyarat Bertauliah Dalam Perbicaraan Kes Mal Dan Jenayah Bagi Orang Kurang Upaya (OKU) Kategori Pekak Dan Bisu, Dan Penterjemah Bertauliah Bagi Orang Yang Tidak Boleh Bertutur Dalam Bahasa Kebangsaan.

Arahan Amalan No 6 Tahun 2023

Arahan Amalan ini membincangkan berkenaan Pemakaian Garis Panduan Penentuan Kelayakan Penjaga Ad Litem Bagi Kategori Orang Kurang Upaya (OKU), Orang Tak Berkeupayaan (OTB) Dan Kanak-Kanak Dalam Prosiding Kes Di Mahkamah Syariah. Arahan Amalan ini telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 14hb – 16hb November 2023 di Hotel Dorsett, Wilayah Persekutuan Labuan. Arahan Amalan ini hendaklah terpakai bagi mana-mana prosiding mahkamah bagi kes Permohonan Penjaga *Ad Litem* (Kod 261) dan/ atau Permohonan Penjaga Diri/ Harta/ Anak Yatim (Kod 031) berkaitan dengan pelantikan seorang penjaga *ad litem* di Mahkamah Syariah negeri-negeri. Seterusnya suatu permohonan pelantikan penjaga *ad litem* boleh dibuat mengikut bidang kuasa Mahkamah Syariah masing-masing berdasarkan tatacara yang diperuntukkan dalam Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah negeri-negeri.

Enakmen/ Ordinan Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah Negeri-negeri hanya memperuntukkan tafsiran berkenaan “orang tak berkeupayaan” seperti yang berikut;

“termasuklah seseorang budak, seseorang tak sempurna akal dan seseorang yang ditegah menguruskan hartanya”

Namun, Arahan Amalan tersebut menerima pakai definisi “orang kurang upaya” berdasarkan seksyen 2 Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685], iaitu seperti yang berikut;

“ termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat”

Ini menjelaskan semasa prosiding bicara, hakim bicara hendaklah merujuk kepada tafsiran yang lebih luas kepada orang kurang upaya (OKU) iaitu golongan yang terdiri dari individu yang ada kekurangan fizikal, mental, intelektual, deria serta gagal menjalani kehidupan seperti individu normal. Tafsiran dalam Enakmen/ Ordinan Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah Negeri-negeri hanya menyatakan seseorang yang tidak sempurna akal yang mana memungkinkan orang kurang upaya (OKU) bagi kategori sempurna akal namun cacat penglihatan (buta), pertuturan (bisu) dan pendengaran (pekkak) tidak termasuk dalam tafsiran tersebut. Justeru, apabila Arahan Amalan ini dikeluarkan makanya, Mahkamah Syariah seharusnya bersedia memberikan ruang dan keadilan yang saksama kepada semua kategori orang kurang upaya (OKU) untuk mendapatkan hak mereka dengan cara mereka sendiri (merujuk kepada kategori OKU).

Arahan Amalan No. 7 Tahun 2023

Arahan Amalan ini membincangkan berkaitan Keperluan Khas Dalam Menentukan Kadar Nafkah Anak Berstatus Orang Kurang Upaya (OKU). Arahan Amalan ini telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 14hb – 16hb November 2023 di Hotel Dorsett, Wilayah Persekutuan Labuan. Arahan Amalan ini menjelaskan kriteria yang perlu diambil kira oleh Mahkamah Syariah dalam memutuskan kes nafkah anak adalah seperti berikut;

- i. Kategori ketidakupayaan;
- ii. Nafkah/ perubatan khas/ disiplin perubatan;
- iii. Kos perubatan awam/ hospital kerajaan/ pusat rehabilitasi/ klinik pakar pediatrik;
- iv. Kos persendirian atau swasta; dan
- v. Keperluan tambahan dan lain-lain keperluan khas yang berkaitan.

Namun, Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Amalan terdahulu iaitu Arahan Amalan No. 5 Tahun 2019 dan Arahan Amalan No. 6 Tahun 2022. Mahkamah Syariah mengiktiraf kategori ketidakupayaan kepada seorang OKU dalam mengarahkan seorang bapa melunaskan nafkah buat anaknya. Contohnya sekiranya kategori ketidakupayaan itu adalah kecacatan mental yang memerlukan anak itu diantar ke sekolah khas austisme, maka bapa hendaklah menanggung kos persekolahan anak tersebut yang akan diperuntukkan sebagai nafkah bapa kepada anak (Nurul Syakirah, 2024). Sebegitu juga dalam kategori anak yang mengalami kecacatan akibat sumbing yang mana memungkinkan anak cacat pendengaran serta tidak boleh bertutur. Keperluan kepada disiplin perubatan (kos

rawatan) serta sekolah pendidikan khas bagi membantu anak mempelajari bahasa isyarat akan diperuntukkan sebagai nafkah yang seharusnya dibayar oleh bapa. Manakala, keperluan-keperluan tambahan lain yang diperlukan oleh anak untuk membantu sokongan hidup juga perlu dinyatakan sebagai nafkah. Contohnya; katil, kerusi roda dan alat bantu pendengaran. Malah kos untuk membaikpulih juga termasuk dalam nafkah seperti anggota palsu yang rosak atau perlu ditukar/direka baru atas faktor perubahan bentuk fizikal anak.

Nafkah bagi anak OKU ini akan dilunaskan sepanjang hayat anak tersebut. Terdapat satu kes sekitar tahun 2017 ke 2018, Mahkamah Syariah telah mengeluarkan perintah nafkah anak bagi anak yang berusia 27 tahun yang menghidap penyakit *Cerebral Palsy*. Akibat dari penyakit tersebut anak mengalami gangguan postur tubuh dan pergerakan. Dalam kes ini bapa pada asalnya tidak ditemui dan saman gagal diserahkan. Sehingga memaksa Mahkamah Syariah membuat carian melalui sistem Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) (Nurul Syakirah, 2024).

Walau bagaimanapun, di Malaysia banyak bantuan-bantuan diberikan kepada orang kurang upaya untuk mendapatkan keselesaan dan kemudahan hidup mereka. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa memperuntukkan bantuan-bantuan khas kepada OKU bagi memiliki peralatan atau alat sokongan hidup. Dalam hal keadaan ini, jika bapa tidak mampu atas faktor kekangan kewangan, bapa hendaklah berusaha sebaik mungkin memohon kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mendapatkan bantuan-bantuan khas yang diberikan kepada golongan OKU untuk anaknya.

Arahan Amalan No.8 Tahun 2023

Arahan Amalan ini membincangkan berkaitan Pemakaian Garis Panduan Penggunaan Perkhidmatan Jurubahasa Isyarat Bertauliah Dalam Perbicaraan Kes Mal Dan Jenayah Bagi Orang Kurang Upaya (OKU) Kategori Pekak Dan Bisu, Dan Penterjemah Bertauliah Bagi Orang Yang Tidak Boleh Bertutur Dalam Bahasa Kebangsaan. Arahan Amalan ini telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 14hb – 16hb November 2023 di Hotel Dorsett, Wilayah Persekutuan Labuan. Garis Panduan ini hendaklah terpakai bagi mana-mana peringkat pengurusan, prosiding kes *mal* dan *jenayah* di mahkamah yang melibatkan OKU kategori pekak dan bisu. Suatu permohonan hendaklah dibuat untuk mendapatkan kebenaran Mahkamah Syariah bagi mendapatkan perkhidmatan Jurubahasa Isyarat Bertauliah berdasarkan Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah Negeri-negeri atau Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara Jenayah Syariah/ Prosedur Jenayah Syariah Negeri-negeri.

Khusus buat golongan OKU, Hakim atau Pendaftar hendaklah memberi perhatian atau pertimbangan kepada Jurubahasa Isyarat Bertauliah yang dicadangkan seperti berikut;

1. Persatuan Persekutuan Orang Pekak Malaysia.
2. Persatuan Bahasa Isyarat dan Pengajian Pekak Malaysia.
3. Pegawai/ kakitangan yang berkemahiran daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
4. Mana-mana orang yang mempunyai sijil kemahiran daripada institusi/ persatuan/ pertubuhan yang diiktiraf Kerajaan.
5. Mana-mana orang yang mempunyai kemahiran yang diiktiraf dan dilantik oleh

mahkamah.

Ini mengesahkan bahawa dengan wujudnya Arahan Amalan ini maka, prosiding perbicaraan Mal atau Jenayah yang melibatkan OKU hendaklah dijalankan dengan adanya bersama Jurubahasa Isyarat Bertaullah supaya golongan OKU ini memahami maksud dan tujuan prosiding bicara yang sedang berlangsung dihadapannya. Dalam kes mal OKU tahu apa tuntutan yang dikenakan terhadapnya dan apakah pula dokumen-dokumen yang disediakan oleh Peguam Syarie bagi pihaknya. Manakala dalam kes jenayah, OKU tersebut faham akan pertuduhan yang didakwa kepadanya. Dalam hal mendapatkan persetujuan pliding/dokumen dan tandatangan, Peguam Syarie hendaklah membacakan semula pliding/dokumen yang disediakan kepada OKU dan menjelaskan apakah kandungan pliding/dokumen. Untuk persetujuan dan pengesahan dokumen, cop ibu jari OKU hendaklah diambil setelah OKU tersebut berpuas hati dan tiada bantahan terhadap pliding/dokumen tersebut. Begitu juga untuk pliding/dokumen yang diterima dari pihak lawan. Peguam Syarie hendaklah membacakan semula kandungan pliding/dokumen. Bagi kes melibatkan OKU pendengaran, bantuan ahli keluarga yang mengetahui bahasa isyarat adalah diperlukan bagi tujuan penjelasan pliding/dokumen diluar mahkamah (Siti Musliha, 2024).

Apabila melibatkan prosiding dalam mahkamah, latar belakang dan pengalaman Jurubahasa Isyarat Bertaullah akan disoal dan dinilai terlebih dahulu oleh Peguam Syarie OKU (sekiranya diwakili). Bagi kes OKU bertindak sendiri, hakim bicara akan menyemak latar belakang, pengalaman dan institusi Jurubahasa Isyarat Bertaullah terlebih dahulu dalam menitikberatkan keadilan dan kesaksamaan kepada OKU tersebut. Jurubahasa Isyarat Bertaullah ini juga perlu menyertakan bersama dokumen-dokumen sokongan yang membuktikan tempoh perkhidmatan dan pengalaman mereka. Peguam Syarie yang mewakili OKU berhak untuk menolak atau membantah sekiranya tidak berpuas hati dengan latar belakang dan pengalaman Jurubahasa Isyarat Bertaullah tersebut serta boleh memohon mendapatkan kepakaran Jurubahasa Isyarat Bertaullah yang lain (Nurul Syakirah, 2024).

Isu dan Cabaran

Arahan Amalan Mahkamah Syariah ini pada dasarnya amat membantu semua pihak yang terlibat apabila berhadapan dengan kes dan prosiding bicara melibatkan OKU. Namun, terdapat beberapa isu dan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh Peguam Syarie dalam mengendalikan kes melibatkan OKU. Isu dan Cabaran ini hendaklah ditambah baik dalam definisi untuk mengadili golongan OKU secara lebih mesra, harmoni dan saksama.

Kos Mendapatkan Perkhidmatan Jurubahasa Isyarat Bertaullah

Berdasarkan kepada peruntukan sedia ada ketika ini, apabila seorang OKU/wakil atau Peguam Syarie diarahkan untuk membawa bersama Jurubahasa Isyarat Bertaullah, kos perkhidmatan membayar Jurubahasa Isyarat Bertaullah itu adalah di bawah tanggungan OKU/wakil atau Peguam Syarie itu sendiri. Jika OKU itu tidak berpendapatan atau tidak berpendapatan tetap dan juga tidak diwakili oleh Peguam Syarie, menyukarkan OKU untuk mendapatkan bantuan Jurubahasa Isyarat Bertaullah atas faktorkekangan kewangan. Sebegitu juga bagi OKU yang diwakili oleh Peguam Syarie, perkhidmatan mendapatkan Jurubahasa Isyarat Bertaullah juga terdapat kos perkhidmatan yang perlu dijelaskan (Nurul Syakirah, 2024).

Sebagai cadangan, Mahkamah Syariah boleh menggunakan kapasitinya sebagai sebuah

institusi kehakiman syarie untuk memanggil Jurubahasa Isyarat Bertaullah dari Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) atau mana-mana Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk bertindak sebagai Jurubahasa Isyarat Bertaullah mewakili OKU tersebut. Manakala kos perkhidmatan jurubahasa adalah di bawah tanggungan kerajaan. Sebagaimana praktis di Mahkamah Sivil (Nurul Syakirah, 2024).

Tiada Peruntukan Khas Berkenaan OKU dalam Enakmen Bagi Pengecualian Kos Pemfailan Pliding Mahkamah Sepertimana Orang Miskin

Berdasarkan kepada peruntukan yang ada dalam Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara *Mal Mahkamah Syariah negeri-negeri*, Mahkamah Syariah telah mengiktiraf dan memberi ruang kepada orang miskin sebagai orang yang tidak berupaya untuk membayar fi mahkamah. Namun tiada pengiktirafan kepada golongan OKU sepertimana pengecualian bagi orang miskin. Ini ada kalanya menyukarkan OKU kerana situasi semasa OKU di Malaysia ini masih sukar mendapat peluang pekerjaan (Hazlin Falina & et al, 2015) atau mempunyai pendapatan yang sesuai dengan taraf hidup semasa. Peruntukan ini boleh terpakai kepada golongan OKU yang telah mendapat pengiktirafan miskin di bawah Akta Orang-orang Papa 1977. Namun, jika OKU itu tidak diisyiharkan sebagai orang miskin, dan tidak pula mempunyai pendapatan yang stabil atau tetap, tentu sekali OKU tersebut akan menghadapi kesukaran menjelaskan fi mahkamah (Nurul Syakirah, 2024).

Sebagai cadangan, peruntukan yang ada dalam Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara *Mal Mahkamah Syariah negeri-negeri* seharusnya dipinda dengan meletakkan item keistimewaan pengecualian fi mahkamah kepada golongan OKU. Ini sedikit sebanyak membantu golongan OKU dan menunjukkan rasa tanggungjawab institusi kehakiman syarie dalam memudahkan urusan golongan yang tidak berupaya. Takrifan orang yang tidak berupaya atas faktor miskin seharusnya dilihat juga kepada orang yang tidak berupaya atas kecacatan yang dialami oleh mereka. Oleh yang demikian, satu *Standart Operating Procedure* (SOP) hendaklah digubal bagi pengecualian pembayaran fi mahkamah bagi OKU sebagai golongan tidak berupaya.

Jurubahasa di kalangan ahli keluarga

Berdasarkan kepada Arahan Amalan yang ada, Jurubahasa Isyarat hendaklah dilantik dari kalangan individu yang bertaullah dan diiktiraf melalui Arahan Amalan No.8 Tahun 2023. Namun, masih wujud kes yang mana OKU ada membawa bersama ahli keluarga yang disuruh bertindak sebagai Jurubahasa Isyarat sedangkan ahli keluarga tersebut bukanlah ahli diiktiraf sebagai Jurubahasa Isyarat Bertaullah sebagaimana dalam Arahan Amalan (Nurul Syakirah, 2024).

Sebagai cadangan, semakan seharusnya dibuat di kaunter mahkamah terlebih dahulu atau di hadapan pendaftar bagi mengesahkan dokumen/ identiti atau latar belakang Jurubahasa Isyarat tersebut. Khuatir proses mahkamah boleh terganggu sekiranya semua pihak telah bersedia untuk bicara di dalam dewan bicara sedangkan Peguam Syarie pula terpaksa membantah kehadiran Jurubahasa Isyarat tersebut. Ia nyata boleh mengganggu proses mahkamah.

Pengiktirafan Mahkamah Kepada Golongan OKU yang belum memperolehi kad OKU

Berdasarkan undang-undang sedia ada, Mahkamah Syariah mengiktiraf individu adalah OKU berdasarkan bukti kad OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Ini adalah dokumen premier yang diterima mahkamah tanpa perlu dibuktikan. Ia adalah kerana, Mahkamah Syariah percaya kepada ketelusan pihak berkuasa dalam mengesahkan individu itu adalah OKU dan meluluskan pengeluaran kad OKU. Namun, timbul isu apabila OKU itu secara zahirnya telah dilihat sebagai seorang OKU namun, dalam proses mendapatkan kad OKU. Individu yang memohon kad OKU perlu mendapatkan pengesahan doktor terlebih dahulu sebelum permohonan boleh diproses. Atas faktor ini, sesetengah hakim bicara enggan menerima alasan “*dalam proses mendapatkan kad OKU*” (Nurul Syakirah, 2024). Sewajarnya hakim bicara boleh sahaja melihat kepada simptom yang ada dan bukti rawatan perubatan susulan yang sedang diterima oleh OKU (Nurul Syakirah, 2024).

Sebagai cadangan, kaedah penilaian retrospektif boleh diaplikasi oleh mahkamah. Mahkamah Syariah boleh sahaja melihat kepada kesan kebelakang yang ada iaitu melalui laporan perubatan atau bukti individu itu sedang mendapatkan rawatan akibat dari ketidaksempurnaan fizikal atau mental yang disahkan oleh pakar perubatan. Mahkamah Syariah seharusnya menyantuni OKU dalam situasi ini dengan cara yang paling “lembut” kerana mereka juga sedang berusaha mendapatkan bukti bahawa mereka adalah OKU. Contohnya, dalam situasi seseorang yang lembam (*slow learner*) namun mereka sempurna fizikal. Keadaan dan kecenderungan mereka untuk mendengar, memahami arahan dan bertutur boleh dilihat secara zahir bahawa wujudnya kekurangan kepada keupayaan mental mereka.

KESIMPULAN

Objektif dan tujuan penubuhan mahkamah adalah untuk mencapai keadilan. Oleh yang demikian, golongan OKU juga terlibat sama sebagai salah satu pihak dalam prosiding bicara. Demi nilai keadilan, hak dan keperluan OKU ini tidak boleh diprejudiskan. Mereka juga boleh memberi sumbangan kepada negara dengan cara dan kelebihan mereka sendiri. Institusi kehakiman syarie yang sentiasa berpaksikan norma-norma Islami seharusnya lebih cakna dan tidak terlepas pandang kepada hal-hal berbangkit melibatkan OKU. Namun, inisiatif Mahkamah Syariah ketika ini dalam menyantuni OKU adalah amat membanggakan. Hasil dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran yang jelas tentang isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak-pihak tertentu dalam menyantuni OKU dan ianya perlu ditambah baik berdasarkan situasi semasa.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Selangor (UIS) yang telah menerbitkan kertas kerja ini sebagai sebahagian kertas prosiding Seminar 7th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference yang berlangsung pada 6 dan 7 Ogos 2024.

RUJUKAN

- Ab Rahman, A. (2018). Kedudukan Orang Kelainan Upaya (OKU) Sebagai Asnaf Ar-Riqab di Malaysia: The Position of Disabled as Zakat Recipient under the Category of ar-riqab in Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 12(1), 37-55.
- Azizah Mohd Rapini, Nur Dayana Mohd Khalil, Zanariah Dimon, Nora'inan Bahari, Nawal Solehuddin, Nurhidayah Muhammad. (2022). Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) Pendengaran Di Mahkamah Syariah: Tinjauan Terhadap Prosiding Berkeperluan Khas. *Prosiding 6th MFIFC*, 60-71.
- Khalil, N. D. M., Shaberi, M., Izhar, D. P. N., Rashid, A. M., & Rapini, A. M. (2022). Analisis isu-isu berkaitan hak dan permasalahan orang kurang upaya di Malaysia: Satu sorotan literatur: Analysis on Issues Related to Rights And Difficulties Of People With Disabilities In Malaysia: A literature review. *Journal of Muwafaqat*, 5(1), 33-51.
- Nozlan, N., Rahman, A., & Hashim, H. (2021). Penerapan Prinsip Matlamat Pembangunan Mampan (SDGS) Dalam Memenuhi Hak-Hak Orang Kurang Upaya (OKU) Menurut Perundangan Malaysia. *Prosiding SAIS*, 118-129.
- Rosli, H. F., Sabri, S. A., Wahab, N. A., & Zakaria, N. A. (2015). Kesedaran golongan majikan terhadap orang kurang upaya (OKU) di Malaysia: Melalui perspektif media. *Jurnal Pengurusan dan Muamalah*, 2(1), 198-199.
- Tahir, Z., Thambapillary, S., Yusoff, J. Z. M., & Rahman, A. S. A. (2020). Undang-undang berkenaan orang kurang upaya: Satu Analisis Perkembangan Perundangan di Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 14(1), 96-114.
- Zulzaidi Mahmud & Ahmad Hidayat Buang. (2016). Kehakiman dan Penghakiman Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu Sorotan". *Jurnal Penyelidikan Undang-undang Syariah*, 1(2) (2016), 201-212.

Statut

Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah negeri-negeri.

Akta Orang-orang Papa 1977.

Akta Orang Kurang Upaya 2008.

Arahan Amalan

Arahan Amalan Mahkamah Syariah No. 6 Tahun 2023.

Arahan Amalan Mahkamah Syariah No. 7 Tahun 2023.

Arahan Amalan Mahkamah Syariah No. 8 Tahun 2023.

Laman Sesawang

Department of Economic and Social Affairs. (2024). Article 2 - Definitions. United Nations.

<https://social.desa.un.org/issues/disability/crpd/article-2-definitions>

Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2024, Ogos 13). *Statistik Pendaftaran OKU*. Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/full&id=ZUFHVTB1NnJWM0EreGtwNC9Vb1hvdz09>

Temu bual

Puan Nurul Syakirah Johari, Ketua Bahagian Undang-undang Syariah, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Puan Siti Musliha Md Idris, Peguam Syarie & Pesuruhjaya Sumpah, Musliha Idris & Associates.